

Tarikh: 30 Januari 2024

Mohd Riza Zalmee bin Mohd Ghazali
Siti Nur Fakizah binti Baharudin
CT-13-13A, Cmbridge Tower,
Garden Plaza, Persiaran Harmoni, Cyber 3
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan

Guru Besar
Sekolah Sri Al-Amin Cyberjaya
No. EG 3 – Jalan GC 4,
Glomac Cyberjaya, Cyber 4
63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
(U/P: Tuan Husni Zam bin Mohamed)

Tuan,

PERKARA: PERMOHONAN RAYUAN KEMASUKAN SEKOLAH SRI AL-AMIN CYBERJAYA TAHUN 5 SESI 2024/2025

Kami merujuk kepada website Sekolah Sri Al-Amin Cyberjaya (SRIAAC) dan mendapati tarikh tutup bagi permohonan kemasukan Tahun 5, Sesi Persekolahan 2024/2025 telah ditutup pada 30 September 2023.

2. Untuk makluman pihak Tuan, anak kami sangat berminat untuk meneruskan pembelajaran di SRIAAC:
Nama : Muhammad Afiff Hakimee bin Mohd Riza Zalmee
Kad Pengenalan : 110923-14-1123
3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin megemukakan rayuan kepada pihak Puan untuk mempertimbangkan permohonan kemasukan anak saya ke SRIAAC atas sebab-sebab seperti berikut:
 - a) Untuk makluman pihak Tuan, anak kami ini sedang mengikuti sesi pembelajaran di Tahun 4 di Sekolah Rendah Islam Hidayah Johor Bahru (SRIHJB) dari Tahun 1. Namun begitu, kami baru sahaja berpindah ke Cyberjaya dari Johor Bahru memandangkan kami mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik di Wilayah Persekutuan Putrajaya.
 - b) Oleh itu, kami begitu berharap agar anak ini dapat diberi peluang untuk memasuki SRIAAC kerana kami yakin bahawa kaedah pembelajaran dan pendidikan yang digunapakai oleh sekolah-sekolah di bawah rangkaian IKRAM Musleh dengan sokongan pihak kami sebagai ibu dan bapa dapat memperkasakan sahsiah diri serta membangunkan aspek rohani serta jasmani anak kami;
 - c) Kami berjanji akan terus memberikan sokongan dari segi moral, kewangan dan tenaga bagi bersama-sama merialisasikan misi pihak sekolah untuk membangunkan sistem pendidikan islam yang syumul dan lestari serta melahirkan insan Rabbani muslim profesional;
 - d) Kami juga akan berusaha sedaya yang mungkin untuk mengatasi sebarang kekurangan yang ada pada diri kami serta anak kami ini sepanjang sesi persekolahan kelak untuk memastikan beliau bersedia dan dapat berdaya saing secara sihat ketika mengikuti sesi pembelajaran di SRIAAC;

Besarlah harapan kami agar pihak Tuan dapat mempertimbangkan permohonan kami ini seterusnya memberi peluang kepada anak kami bagi menempatkan diri di SRIAAC bagi kemasukan Tahun 5, Sesi Persekolahan 2024/2025.

Segala pertimbangan daripada pihak Tuan, kami dahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian



MOHD RIZA ZALMEE
SITI NUR FAKIZAH BAHARUDIN
019-264 8200 / 019-7722 842